

BANK ISLAM GALAK PELANGGAN BUKA AKAUN BANK SECARA MAYA

KUALA LUMPUR, Ahad, [26 Julai 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menggalakkan pelanggan individu untuk memanfaatkan platform perkhidmatan maya **Virtual Account Opening ("VAO")** yang membolehkan mereka membuka akaun Bank Islam terpilih mengikut keselesaan tempat dan waktu masing-masing. Akaun-akaun yang terlibat di bawah kemudahan berkenaan meliputi Akaun Simpanan Asas Bank Islam, Akaun Simpanan Qard dan Akaun Pelaburan Al-Awfar. Penyelesaian mudah yang disediakan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif transformasi digital Bank Islam ke arah memperluaskan akses perbankan, pada masa sama, menjimatkan kos serta bersifat mesra alam kerana tidak melibatkan penggunaan kertas.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kemudahan pembukaan akaun secara maya ini bertujuan untuk menambah manfaat dan nilai kepada para pelanggan. Pada masa yang sama, ia juga berperanan dalam membentuk industri perbankan masa hadapan. Sejak pelancaran VAO pada Februari 2018, kami telah menerima purata hampir 2,000 pembukaan akaun melalui platform ini setiap bulan. Kini, pelanggan tidak perlu menghabiskan masa mereka untuk menunggu dan membuat pendaftaran akaun baharu Bank Islam di kaunter. Didorong dengan permintaan tinggi pasaran, kami merancang untuk mengintegrasikan fungsi VAO ke dalam aplikasi mudah alih GO by Bank Islam dalam masa terdekat. Nantikan perkembangan inovasi digital kami seterusnya yang bakal memberikan lebih nilai kepada pelanggan."

VAO telah merevolusikan prosedur pembukaan akaun tradisional yang biasanya melibatkan masa yang lama di cawangan. Menerusi VAO, pelanggan hanya perlu mengisi e-borang yang boleh didapati di laman sesawang <https://vao.bankislam.com.my/>. Setelah maklumat lengkap dihantar, pelanggan hanya perlu hadir ke cawangan Bank Islam pilihan. Mereka tidak perlu beratur untuk melengkapkan proses pengesahan pembukaan akaun.

Pada masa hadapan, Bank Islam akan memperkenalkan ciri-ciri tambahan yang tidak memerlukan pelanggan hadir secara bersemuka bagi melengkapkan proses pembukaan akaun melalui VAO. Usaha ini diyakini dapat memberi nilai tambah kepada pelanggan sedia ada dan menarik lebih banyak pelanggan baharu.

Pengenalan fungsi baharu ini dijangka akan diperkenalkan seawal suku ketiga 2020. Ia akan melibatkan perapian proses sedia ada. Penambahanbaikan ini dijangka menjana peningkatan pesat dalam jumlah pendaftaran pelanggan secara dalam talian.

"Menerusi VAO, Bank Islam sentiasa peka terhadap keperluan para pelanggan serta seiring dengan trend digital masa kini. Justeru, kami sentiasa berinovasi bagi menggiatkan inisiatif peka pelanggan, mewujudkan perkhidmatan perbankan yang lebih mudah, bijak dan fleksibel demi manfaat pelanggan kami. Ini merupakan usaha yang amat penting dalam mendepani impak COVID-19," tambah Mohd Muazzam.

Untuk maklumat lanjut berkenaan pembukaan akaun Bank Islam secara maya, sila layari <https://vao.bankislam.com.my/> atau imbas kod QR di bawah:



Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
---	---